SAKRI YADAM & SATU LAGI A

lwn.

PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, ALOR SETAR B
ZAKIAH KASSIM PK
[PERTUDUHAN JENAYAH KEDAH NO: 45-2-2009]
5 DISEMBER 2011

PROSEDUR JENAYAH: *Penzahiran maklumat - Dokumen-dokumen- Kegagalan memberikan dokumen di bawah s. 51A(c) Kanun Tatacara Jenayah sebelum permulaan perbicaraan - Sama ada OKT dinafikan keadilan - Sama ada peruntukan 51A(c) 'mandatory' atau 'directory' - Sama ada kegagalan memberikan dokumen menjadikan prosiding 'nullity'* C

PROSEDUR JENAYAH: *Pertuduhan - Sama ada cacat - Kegagalan menyatakan cara pengedaran dadah - Sama ada pertuduhan menepati kehendak ss. 152, 153 & 154 Kanun Tatacara Jenayah* D

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Dadah berbahaya - Pengedaran - Sama ada unsur-unsur pengedaran dibuktikan - Sama ada keterangan OKT berunsur penafian - Sama ada OKT berjaya mematahkan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 - Sama ada OKT berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan* E

TAFSIRAN STATUT: *Tugas mahkamah - Mandatori atau direktori - Seksyen 51A(c) Kanun Tatacara Jenayah - Sama ada perkataan 'shall' patut ditakrif sebagai mandatori* F

OKT1 dan OKT2 ('OKT') ditahan semasa satu rondaan Agensi Maritim di Perairan Kuala Kedah. OKT cuba melarikan diri bersama bot pada masa itu tetapi telah dikejar dan diarahkan berhenti. Di dalam bot tersebut dijumpai lapan bungkusan plastik hitam yang terletak di tempat petak ikan, ditutup dengan kain rentang dan diletakkan pukat di atasnya. OKT telah didakwa di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya jenis Cannabis seberat 222,028 gram. Di hadapan Yang Arif Pesuruhjaya Kehakiman, OKT membangkitkan isu-isu, antara lain: (i) ucapan pembukaan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) G H I

terlampau umum; (ii) sama ada maksud perkataan "shall" dalam s. 51A(c) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') patut ditakrif sebagai mandatori atau sebaliknya dan lanjutan daripada itu timbul persoalan ketidakadilan bagi maksud perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan ('Perlembagaan'); dan (iii) pertuduhan adalah cacat kerana pihak pendakwaan tidak memasukkan perkataan "pengangkutan" iaitu bot dalam pertuduhan.

Diputuskan (mensabitkan kedua-dua OKT dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati):

(1) Ucapan pembukaan TPR tidaklah remeh, sebaliknya menunjukkan bahawa wujud prosiding yang material terhadap kedua-dua OKT. Dalam ucapan pembukaan, pihak pendakwaan tidak perlu mengatakan fakta kes secara terperinci. *Timhar Jamdani Ong & Anor v. PP (dirujuk)*. (perenggan 32)

(2) Kebanyakan dokumen yang diperlukan telah dibekalkan oleh pihak pendakwaan sebelum perbicaraan. Hanya dokumen di bawah s. 51A(c) sahaja diberikan selepas perbicaraan bermula. Oleh itu mahkamah tidak dapat bersetuju dengan hujah bahawa kegagalan TPR memberi dokumen tersebut menyebabkan OKT2 tidak mendapat keadilan menurut peruntukan perkara 5 dan 8 Perlembagaan. Kehendak s. 51A(c) adalah directory dan bukan mandatory dan dengan itu tidak menjadikan prosiding sebagai nullity dan tidak menyebabkan failure of justice. (perenggan 32)

(3) Cara pengedaran dadah berbahaya tidak perlu dinyatakan di dalam pertuduhan kerana ia bukan butir yang material. *Lim Hong Yap v. PP (dirujuk)*. Tambahan, pertuduhan ke atas OKT adalah jelas dan tidak mengelirukan kerana OKT memahami pertuduhan itu dan membolehkan kedua-duanya menyoalbalas saksi-saksi pendakwaan dan menyediakan pembelaan mereka. Pertuduhan ke atas OKT telah menepati kehendak ss. 152, 153 dan 154 KAJ. (perenggan 32 & 33)

(4) Keterangan OKT adalah rekaan semata-mata dan penafian yang tidak berasas sama sekali dan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Kedua-duanya memang mengetahui dadah sebanyak 222,028 gram

yang dibungkus dalam plastik berada dalam kotak ikan yang tidak berkunci dan ditutupi dengan kain rentang dan diletakkan pukat di atasnya. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan kedua-dua OKT juga didapati mengedar dadah tersebut. (perenggan 58)

(5) Selanjutnya, atas imbangan kebarangkalian, kedua-dua OKT juga gagal mematahkan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) ADB. Sebaliknya, atas imbangan kebarangkalian, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap kedua-dua OKT melampaui keraguan yang munasabah. Dengan itu, kedua-dua OKT adalah bersalah dan disabitkan atas kesalahan yang dipertuduhkan. (perenggan 59-61)

Kes-kes yang dirujuk:
Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC ***(dirujuk)***
Lim Hong Yap v. PP [1978] 1 LNS 100 HC ***(dirujuk)***
Mijan Mohd Deros v. PP (05-28-2008(02)) ***(diikuti)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241 SC ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(diikuti)***
PP v. Abdul Rahman Akif [2007] 4 CLJ 337 FC ***(diikuti)***
PP v. Hoh Bon Tong [2008] 1 LNS 232 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lee Suk Hua [2010] 1 LNS 20 HC ***(dirujuk)***
PP v. Masana & Anor [2010] 1 LNS 948 HC ***(dibezakan)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Zulkifli Arshad [2010] 6 CLJ 121 FC ***(dirujuk)***
Ridwan v. PP [2010] 4 CLJ 570 CA ***(diikuti)***
*Romi Amora Amir v. PP [2011] 1 CLJ 870 CA****(dibezakan)***
Saad Ibrahim v. PP [1967] 1 LNS 154 HC ***(dirujuk)***
*Tan Yew Choy v. PP [2009] 4 CLJ 245 FC****(dibezakan)***
Timhar Jamdani Ong & Anor v. PP [2010] 3 CLJ 938 CA ***(dirujuk)***
Wong Joo Sen v. PP [2010] 8 CLJ 392 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 51A, 152, 153, 154, 180
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(da), 39A(2)(f), 39B(1)(a)
Federal Constitution, arts. 5, 8
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu - Ranjit Singh Dhillon; M/s J Kaur, Ranjit & Assocs
Bagi pihak responden - Wan Nor Hasnita Wan Daud TPR

Dilaporkan oleh Emm Zehra

A

PENGHAKIMAN

Zakiah Kassim PK:

[1] Kedua-dua tertuduh ("OKT") telah didakwa di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca bersama s. 34 Kanun Keseksaan kerana telah mengedar dadah berbahaya jenis Cannabis seberat 222,028 gram seperti mana dalam pertuduhan pada 17 Januari 2008 jam lebih kurang 12.30 pagi bertempat di 4.4 Batu Nautika dari Pantai Kuala Kedah pada kedudukan 6° 06.06 Utara, 100° 12.45 Timur, di dalam Daerah Kota Setar, di dalam Negeri Kedah Darul Aman.

[2] Di akhir perbicaraan, OKT didapati bersalah dan disabitkan dengan pertuduhan itu. OKT telah dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Atas sabitan dan hukuman itu, OKT sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan.

[3] Pihak pendakwaan diwakili oleh TPR Wan Nor Hasnita binti Daud dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah. OKT dibela oleh Encik Ranjit Singh Dhillon dari Tetuan J Kaur, Ranjit & Associates.

Tugas Mahkamah Di Akhir Kes Pendakwaan

[4] Tugas mahkamah di akhir kes pendakwaan adalah untuk menilai pada tahap yang maksima semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwa bagi memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh sebagaimana yang diperuntukkan di bawah s. 180 Kanun Tatacara Jenayah.

[5] Langkah-langkah yang perlu diambil oleh hakim di akhir kes pendakwaan telah dihuraikan dalam beberapa kes antara lain kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457. Mahkamah telah menilai keterangan pihak pendakwaan secara maksimum dan bertanya soalan ini:

> (i) at the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to the maximum evaluation. Carefully scrutinize the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from the evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is the most favarouble to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence led before me? If the answer to the question is "yes", then a *prima facie* case had been made out and the defence should be called. If the answer is "No" then a *prima facie* case has not been made out and the accused should be acquitted"

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) after the defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v. Public Prosecutor* [1963] 1 LNS 82.

Saksi-Saksi Pihak Pendakwaan

[6] Untuk membuktikan kes terhadap tertuduh, pihak pendakwaan telah memanggil 11 orang saksi iaitu:

SP1	: Kpl Divan a/l Muniandy	Jurugambar
SP2	: Detektif Kpl Ahmad bin Kechik	Jurugambar
SP3	: Bintara Kanan Mohd Ismaidi bin Abd Hamid	Pegawai Serbuan & Komander Bot Kilat 7
SP4	: Puan Marhayani binti Saad	Ahli Kimia
SP5	: L/Kelas 1 Badrolzaman b. Hussien	Krew Bot Kilat 7
SP6	: Puan Azziha bte Abd Wahab	Juruteknik JUPEM
SP7	: Zakaria bin Abdullah	Pegawai JUPEM
SP8	: D/L/Kpl Norizan	Jurugambar
SP9	: D/L/Kpl Asri	Jurugambar
SP10	: Kpl Abd. Rahman bin Abdul Ahmad	Penyelia Stor
SP11	: ASP Shamsuddin bin Mohamood	Pegawai Penyiasat

A Semua saksi secara keseluruhannya telah memberikan gambaran keseluruhan cerita dalam kes ini. Penilaian terhadap keseluruhan kes pendakwaan membolehkan mahkamah membuat pertimbangan tentang keterangan saksi-saksi yang pada akhirnya sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* B terhadap kedua-dua OKT.

Elemen-Elemen Pertuduhan

[7] Elemen yang perlu dibuktikan oleh pihak pendakwaan secara *prima facie* dalam kes terhadap tertuduh ialah: C

(a) Tertuduh mempunyai milikan ke atas dadah seperti pertuduhan;

(b) Tertuduh mengedar/memperedar dadah tersebut; dan

D (c) Dadah tersebut ialah dadah berbahaya.

Fakta Ringkas Kes

[8] Fakta-fakta kes secara ringkas adalah seperti berikut:

E (a) Pada 16 Januari 2008 jam lebih kurang 10.30 malam, Agensi Maritim menjalankan rondaan dengan Bot Kilat 7 di Perairan Kuala Kedah. Empat anggota terdiri daripada L/K(M) Ayub bin Harun, L/K(M) Badrolzaman bin Hussien, PP Mohd Ismaidi bin Abd Hamid dan L/K2 Rosmaidi membuat rondaan. F

(b) Pada jam lebih kurang 12.30 tengah malam SP5 telah nampak objek pada permukaan radar bergerak daripada utara ke selatan. SP5 nampak objek itu di atas skrin.

G (c) SP3 menerangkan kepada mahkamah bahawa pada masa itu cuaca gelap, SP3 cuba mengesan objek itu dengan mata kasar tetapi tidak nampak. Pada masa itu objek berada dalam jarak 1 batu nautika daripada bot Kilat 7. SP3 menuju (menghala) botnya kepada objek itu.

H (d) Menurut SP3, lebih kurang lima minit kemudian, tanpa memasang lampu objek itu dapat dikesan bergerak. Dalam jarak lebih kurang 5 meter daripada bot, dengan bantuan search light SP3 nampak dua orang (OKT1 dan 2) berada di bahagian belakang bot itu. SP3 telah menggunakan pembesar suara, I mengarahkan supaya bot itu berhenti. OKT1 dan 2 cuba melarikan diri bersama bot dengan cuba memecut dengan menambah kelajuan bot.

(e) SP3 telah cuba mengejar dan menyuruh L/K(2) Rosmaidi melompat ke atas bot berkenaan. Rosmaidi mengarahkan supaya bot berhenti dan bot itu berhenti.

(f) Bot Kilat berhenti bersebelahan bot itu. SP3 telah memperkenalkan diri sebagai anggota maritim. SP5 mengarahkan supaya salah seorang OKT untuk mengikat moor bersama. OKT menurut arahan yang diberikan.

(g) SP3 semasa ditanya mengenai reaksi OKT mengatakan "mereka diam sahaja". SP3 selepas itu mengarahkan supaya SP5 menggari kedua-dua OKT dan kedua-duanya dipindahkan ke bot Kilat.

(h) SP5 dengan bantuan L/K(2) Rosmaidi memeriksa bot itu dan menjumpai lapan bungkusan plastik hitam yang terletak di tempat petak ikan, ditutup dengan kain rentang dan diletakkan pukat di atasnya.

(i) Kedua-dua OKT kemudiannya diserahkan kepada Pegawai Penyiasat ie, SP11.

Milikan (Possession) – Kedua-dua OKT Mempunyai Milikan Ke Atas Dadah

[9] Dadah dijumpai dalam petak ikan bot (P246) yang dikemudi/dinaiki oleh kedua-dua OKT dan pada masa itu hanya OKT1 dan 2 sahaja berada dalam bot itu yang sedang bergerak di kedudukan 06°06.06 utara bertempat di 4.4 Batu Nautika dari Pantai Kuala Kedah pada pukul 12.30 pagi.

[10] Dalam keadaan bot itu dijumpai seperti yang dijelaskan di atas, kedua-dua OKT berada dalam keadaan boleh mengendali atau melakukan sesuatu terhadap barang kes. Dalam erti kata lain, OKT juga mempunyai kawalan dan jagaan dan berada dalam jarak yang dekat dengan dadah itu (close proximity). SP3, Mohd Ismaidi memberitahu mahkamah bahawa semasa beliau cuba menghampiri sampan OKT (P246), OKT cuba melarikan diri. Laporan polis oleh SP3, eks. P7 mengatakan kedua-dua OKT cuba melarikan diri dan berlaku kejar mengejar di kedudukan 6° 06.06 Utara, 100° 12.45 Timur, 4.4 Batu Nautika dari Pantai Kuala Kedah. Dalam kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17 maksud possession dijelaskan bahawa pemilikan tidak semestinya terbatas kepada milikan fizikal, tetapi seseorang itu berada dalam keadaan boleh mengendali atau melakukan sesuatu terhadap barang kes (power of disposal).

[11] Menurut prinsip dalam kes *PP v. Mohamad Rizalmi B Mohamad*, mahkamah memutuskan bahawa;

> Seseorang itu akan dikira mempunyai kawalan dan milikan terhadap dadah yang dijumpai jika seseorang itu mempunyai kemampuan untuk mengawal dan jarak antara antara seseorang yang dituduh dengan dadah yang dijumpai adalah "is so situated" menyebabkan seseorang itu mampu untuk menguruskan dadah yang dijumpai itu iaitu mempunyai power of disposal.

[12] Banyak kes undang-undang yang dirujuk oleh peguambela terpelajar bagi membuktikan bahawa kedua-dua OKT tidak mempunyai milikan terhadap dadah sebanyak 222,028 gram yang dijumpai dalam petak ikan bot eks. P246 yang dinaiki oleh kedua-dua OKT. Walau pun begitu fakta kes undang-undang itu tidak sama dengan kes yang dibicarakan hadapan mahkamah yang agak unik kerana dadah seberat 222,028 gram itu dijumpai pada pukul 12.30 malam di 4.4 Batu Nautika 06° 06.06 Utara, 100° 12.45 Timur dalam Negeri Kedah Darul Aman. Dadah itu dijumpai dalam petak ikan, dibungkus dengan plastik hitam dan putih dibalut dengan rapi, diletak dalam petak ikan yang tidak berkunci, ditutup dengan kain rentang dan di atasnya terdapat pukat.

[13] Mahkamah Persekutuan semasa memutuskan kes *PP v. Mohd Radhi Abu Bakar*, dengan merujuk kepada kes *Toh Ah Loh & Mak Thim v. R*, mengatakan bahawa untuk membuktikan possession, kriteria ini mesti dipenuhi:

(a) The possessor must know the nature of the thing possessed;

(b) Must have in him a power of disposal over the thing; and

(c) Must conscious of his possession of the thing.

[14] Dalam kes *Saad Ibrahim v. PP* [1967] 1 LNS 154 mahkamah memutuskan bahawa:

> The possessor must be aware of his possession, must know the nature of the thing possessed and must have power of disposal. Tanpa elemen-elemen ini possession raises no presumption of *mens rea*. Without *mens rea*, possession cannot be criminal except in certain cases created by statute.

[15] Melihat kepada keterangan dan kes undang-undang yang terpakai yang dikemukakan secara keseluruhannya, mahkamah mendapati bahawa secara *prima facie*, OKT mempunyai milikan terhadap dadah yang berada dalam bot yang dikemudi oleh mereka

berdua tanpa kehadiran orang lain pada jam 12.30 pagi di tempat yang disebut dalam pertuduhan. Jika dibandingkan fakta bagaimana dadah dijumpai dalam kes *PP v. Abdul Rahman Akif* dan kes di depan mahkamah yang mana dadah dijumpai dalam petak ikan, dimasukkan dalam plastik hitam dan putih dibalut dengan rapi, diletak dalam petak ikan yang tidak berkunci, ditutup dengan kain rentang dan di atasnya diletakkan pukat. Mahkamah tiada pilihan melainkan membuat kesimpulan bahawa suatu perancangan yang teliti dibuat oleh OKT untuk aktiviti pengedaran dadah.

[16] Tindakan kedua-dua OKT yang telah cuba untuk melarikan diri bersama bot menunjukkan bahawa kedua-dua OKT sememangnya mempunyai pengetahuan terhadap dadah yang dijumpai di dalam petak ikan yang tidak kunci.

Bagaimana Pengetahuan Dibuktikan

[17] YA Dato' Zawawi Salleh, PK (pada masa itu) dalam *PP v. Hoh Bon Tong* [2008] 1 LNS 232, dalam menentukan pengetahuan menyatakan:

> [23] Memandangkan aspek *mens rea* milikan jarang dengan mudah dapat dibuktikan melalui keterangan langsung, pengetahuan OKT boleh dibuktikan melalui keterangan ikut keadaan atau inferens (since the *mens rea* aspect of knowing possession is rarely susceptible of direct proof, the accused's knowledge may be established by circumstantial evidence or inference). Dalam kes *Surentheran Selvaraj v. PP* [2005] 2 CLJ 264, Abdul Aziz Mohamed HMR berkata:
>
> > There is, if at all, very seldom available direct proof of the knowledge that is necessary to constitute possession. In almost every case, proof of knowledge has to be by way of inference from proven circumstances.

[18] Keterangan SP3 bahawa semasa beliau memperkenalkan diri sebagai anggota Maritim, memberi arahan supaya tidak melarikan diri, pemasangan search light dan police light, tetapi OKT masih cuba untuk melarikan diri dan terpaksa dikejar menunjukkan bahawa kedua-duanya mempunyai pengetahuan (*mens rea*) terhadap dadah yang dijumpai. Dengan itu mahkamah mendapati bahawa perlakuan OKT1 dan 2 itu terjumlah kepada pengakuan salah yang mana terdapatnya satu nexus between the conduct and the offence in question seperti yang dimaksudkan oleh kes *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717.

[19] Dalam kes *Wong Joo Sen v. PP* [2010] 8 CLJ 392, semasa perbicaraan di Mahkamah Tinggi, mahkamah merumuskan bahawa;

> OKT mempunyai jagaan dan kawalan terhadap dadah tersebut dan juga mempunyai pengetahuan mengenainya. Tindakan OKT yang mencampakkan bungkusan plastik tersebut menunjukkan OKT mempunyai milikan dan kawalan memandangkan bungkusan itu berada dalam tangannya sebelum ia dicampak. Selain itu, tindakan mencampak itu sendiri menunjukkan OKT mempunyai kawalan dan kuasa untuk melupuskan dadah tersebut. Akhir sekali, apabila OKT tidak membuka pintu walau pun telah diminta oleh PW5 dan juga pergelutan antara PW5 dan PW6 menunjukkan OKT sedar bahawa bungkusan tersebut mengandungi dadah.
>
> Di dalam pembelaannya, OKT menafikan elemen pemilikan dan pengetahuan tentang dadah tersebut. Malahan OKT menimbulkan pula nama Ah Nam yang dikatakan adalah kawannya. OKT mengatakan bahawa Ah Nam yang telah meletakkan dadah tersebut di dalam bilik mandi. OKT hanya memaklumkan tentang Ah Nam hanya selepas dia ibunya DW2 memberitahunya.
>
> Menurut DW2, Ah Nam ada datang ke rumahnya tetapi OKT tidak sihat. Ah Nam kemudiannya beredar dari rumah tersebut dan datang lagi sekali pada sebelah petangnya sambil membawa beg plastik. DW2 memaklumkan bahawa OKT masih lagi tidur. Ah Nam kemudiannya membuka pintu bilik tersebut dengan menggunakan kunci dan masuk ke dalam bilik tersebut. Apabila Ah Nam keluar, dia tidak dilihat membawa beg plastik tersebut.
>
> Mahkamah tidak mempercayai keterangan DW2 dan pembelaan OKT. OKT dijatuhkan hukuman mati.
>
> Di peringkat Rayuan, Mahkamah mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi dengan menegaskan bahawa hakim perbicaraan tidak melakukan apa-apa kesilapan apabila menerima pakai keseluruhan fakta yang dikemukakan dan OKT mempunyai *mens reas* milikan dadah tersebut. Alasan OKT bahawa dia adalah seorang penagih dadah dan dadah tersebut adalah untuk kegunaan sendiri tidak timbul untuk mematahkan anggapan mengedar kerana jumlah dadah yang ditemui adalah terlalu besar.
>
> Kes seterusnya dirayu pula ke Mahkamah Persekutuan dengan isu kredibiliti PW5, elemen *mens rea* dan kesilapan hakim perbicaraan mengenai standard pembuktian.
>
> Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa keterangan PW5 telah disokong oleh keterangan saksi-saki lain. Tidak ada merit untuk membangkitkan kebolehpercayaan terhadap PW5. Oleh itu

adalah tidak berasas untuk menyatakan bahawa hakim perbicaraan telah tidak berhati-hati dan terlalu cepat mempercayai keterangan PW5.

Berhubung dengan isu *mens rea*, Mahkamah Persekutuan bersetuju bahawa kelakuan semasa tangkapan jika diterima sebagai satu keterangan adalah penting untuk menentukan kewujudan *mens rea*. Di dalam kes ini, tindakan OKT melarikan diri dan membuang sesuatu sebaik sahaja PW5 masuk ke dalam bilik tidurnya menunjukkan *mens rea* milikan dadah yang telah dijumpai itu.

Kesimpulannya, rayuan OKT diketepikan dan hukuman dikekalkan.

[20] Pada pandangan mahkamah, keadaan ekshibit dadah dalam kes di hadapan mahkamah ini adalah lebih mudah untuk OKT1 dan OKT2 melihatnya berbanding dengan kes *Abd Rahman Akif* yang mana satu bungkusan telah dijumpai di bawah tempat duduk pemandu dan dua bungkusan di bawah tempat duduk penumpang di bahagian hadapan dalam kereta yang dipandu oleh responden yang mengandungi Cannabis.

Tertuduh Mengedar Dadah Tersebut

Section 37 of the Dangerous Drugs Act 1952 provides that:

In all proceedings under this Act or any regulation made thereunder – any person who is found to have had in custody or under his control anything whatsoever containing any dangerous drug shall, until the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall, until the contrary is proved, be deemed to have known the nature of such drug.

[21] Menurut prinsip dalam kes *PP v. Abdul Rahman Akif*, memandangkan berat dadah dalam kes ini melebihi 200 gram maka OKT dianggap mengedar dadah tersebut seperti yang diperuntukkan di bawah s. 37(da) ADB 1952.

The next question is whether there is evidence of trafficking by the respondent in the said drug. In this case the amount of Cannabis involved is 4,826.9 grammes in weight, which is well in excess of 200 grammes, thus triggering the statutory presumption of traficking as provided in section 37(da) of the Act. Therefore, on the facts of this case it is our finding that the trial judge had correctly, *albeit* for different reasons, called upon the respondent to enter upon his defence on the charge.

[22] Mahkamah juga mendapati bahawa tindakan OKT membawa dadah sebanyak 222,028 gram secara transporting iaitu dalam jumlah yang begitu banyak melalui kawasan perairan adalah jelas

bahawa OKT mempunyai satu tujuan iaitu mengedar dadah berkenaan. Atas dasar itu OKT tidak boleh sama sekali dikategorikan sekadar passive possession tetapi mempunyai overt act yang membolehkan pemakaian s. 2 ADB kerana telah membawa dadah tersebut dalam bot melalui perairan Kuala Kedah, dibungkus dengan begitu rapi serta perlakuan OKT yang cuba melarikan diri walaupun diarahkan untuk berhenti. Dalam kes *PP v. Zulkifli Arshad* [2010] 6 CLJ 121, Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> Proof of the act of transporting plus the presumption under s. 15(2) would constitute a *prima facie* case of trafficking which if unrebutted would warrant his conviction. In those circumstances the burden of proof would clearly shift to the accused and he would have to rebut the case made out against him. The rebuttal will depend upon the evidence place before the court. If he can convince the trial court by a preponderance of evidence or on the balance of probabilities that the drug was for his own consumption he would be entitled to an acquittal. Factors such as the type of 'transporting', the quantity involved, whether or not the accused is an addict, would be relevant. It would be a question of evidence and the inferences to be drawn from the totality of the evidence before the court.

Dadah Adalah Dadah Berbahaya

[23] Saksi pendakwaan SP4 seorang saksi pakar telah menganalisa kandungan 8 bungkusan plastik yang mengandungi 233 ketulan mampat bahan tumbuhan telah mengesahkannya sebagai Cannabis menurut s. 2 ADB 1952 seperti di eks. P10. Walaupun peguambela terpelajar cuba mempertikaikan jenis dadah berkenaan, tidak ada keterangan saksi pakar lain yang membuktikan bahawa dadah yang dijumpai itu bukan Cannabis seperti di pertuduhan.

[24] Dalam menerima keterangan saksi pakar (SP4), kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 telah membuat keputusan bahawa;

> In this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of the substance, the court is entitled to accept the opinion of the expert of its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible opinion is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step.

[25] Dalam kes di hadapan mahkamah, selain keterangan yang dikemukakan oleh SP4, tidak ada keterangan saksi pakar lain yang dikemukakan bagi mempertikaikan keterangan pakar SP4. Oleh itu, mahkamah menerima keterangan SP4 bahawa dadah yang terlibat dalam kes ini adalah dadah jenis Cannabis seberat 222,028 gram. Oleh itu mahkamah ini membuat kesimpulan bahawa dadah seberat 222,028 gram seperti dalam pertuduhan adalah dadah Cannabis menurut s. 2 ADB 1952.

Berat Dadah

[26] Merujuk kepada berat dadah yang dipertikaikan oleh peguambela terpelajar, mahkamah mendapati walaupun terdapat perbezaan, ianya tidak menjejaskan kes pendakwaan dan tidak memprejudiskan kedua-dua OKT kerana menurut SP4 berat bersih Cannabis adalah 222,028 gram yang diperolehi oleh SP4 dengan menggunakan alat penimbang yang dikaliberasi. Fakta kes di hadapan mahkamah sangat berbeza dengan kes *Tan Yew Choy v. PP* [2009] 4 CLJ 245 yang mana berat dadah ada border line yang mana perayu dituduh bagi kesalahan mengedar dadah Canabis seberat 224.65 gram iaitu 24 gram melepasi amaun statutori yang membawa kepada anggapan pengedaran di bawah s. 39A(2)(f) ADB 1952. Oleh itu perbezaan berat yang ditimbang oleh pegawai serbuan dan pegawai penyiasat iaitu 205 gram dan berat yang diterima dan dianalisa oleh ahli kimia pula ialah 224.65 sekiranya berat bungkusan plastik ditolak oleh pegawai serbuan dan pegawai penyiasat semasa melakukan timbangan sudah tentu berat bersih dadah tersebut akan kurang dari 200 gram iaitu berat statutori yang diperuntukkan. Oleh itu, memandangkan berat tersebut adalah border line maka adalah jelas ianya memprejudis perayu dan menimbulkan keraguan. Dan sekiranya ada keraguan, maka faedah harus diberikan kepada perayu.

[27] Dalam kes di depan mahkamah prinsip dalam kes *Mijan Mohd Deros v. PP* (05-28-2008(02)) dan kes *Ridwan v. PP* [2010] 4 CLJ 570 adalah terpakai.

Niat Bersama

[28] Kehadiran OKT1 bersama-sama OKT2 semasa serbuan dan rampasan dibuat bukanlah satu kebetulan di mana hasil pemeriksaan oleh SP3 dan SP5 ke atas bot (P246) yang dinaiki oleh kedua-dua OKT telah menjumpai 233 ketulan mampat Cannabis di dalam petak ikan bot berkenaan.

[29] Jika diteliti dari keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan juga, adalah jelas bot yang dinaiki kedua-dua OKT tidak memasang lampu, masih memecut sejauh 1 batu nautika walaupun SP3 telah memperkenalkan diri sebagai "Maritim" dan mengarahkan kedua-dua OKT berhenti.

[30] Adalah dengan itu dihujahkan bahawa OKT1 dan OKT2 sememangnya telah secara bersama-sama merancang pengedaran dadah tersebut. Maka dengan itu mereka boleh dikatakan mempunyai pengetahuan dan niat bersama mengedar dadah tersebut. Pengetahuan dan pemilikan tersebut dapat diandaikan seperti yang dinyatakan di dalam kes *Looi Kow Chai (supra)*.

[31] Pemakaian s. 34 Kanun Keseksaan diperjelaskan di dalam kes *Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases* [1987] 1 CLJ 540; [1987] CLJ (Rep) 241, di ms 251-252 Mahkamah Agung menyatakan bahawa:

> Section 34 of the Penal Code states:
>
> When a criminal act is done by several persons, in furtherance of the common intention of all, each of such persons is liable for that act in the same manner as if the act were done by him alone.
>
> In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.
>
> Where the prosecution case rest on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the accused.

Isu-isu Yang Dibangkitkan

[32] Peguam terpelajar yang mewakili OKT telah membangkitkan isu-isu antara lain seperti yang berikut:

(a) Ucapan pembukaan terlampau umum;

(i) Mahkamah mendapati ucapan pembukaan timbalan Pendakwa Raya tidaklah remeh sebaliknya menunjukkan wujud prosiding yang material terhadap kedua-dua OKT. Dalam ucapan pembukaan, pihak pendakwaan tidak perlu mengatakan fakta kes secara terperinci. Dalam kes *Timhar Jamdani Ong & Anor v. PP* [2010] 3 CLJ 938, mahkamah memutuskan bahawa;

> [2] The prosecution's opening statement is an important procedural step where it introduces its case and narrates the story to the jury. However, in a criminal trial which is presided over by a single judge as trier of both fact and law, the opening statement does not have the same importance. The trial judge does not need this 'curtain raiser' for the prosecution to lay out a detailed road map of its case. Section 179 of the Criminal Procedure Code only requires the prosecution to satisfy the court that the charge against the accused is not frivolous and that there is some material for proceeding against him. The details of the evidence are not expected to be produced *via* the opening statement. In most cases, the charge itself is a sufficient overview of the evidence that needs to be adduced. There is no necessity for the prosecution to tender a copy of its opening statement to be marked by the court, nor is there even a need for the statement to be in writing. Consequently, the prosecution's omission from its opening statement, *vis-a-vis* the incriminating words allegedly uttered by the 2nd appellant and the alleged attempt by the appellants to bribe the police, was immaterial and not fatal to its case. It did not automatically follow that the subsequent narration of the police-witnesses was an afterthought or a recent invention. The prosecution was not precluded from adducing at the trial evidence not previously mentioned in its opening statement. The trial court had not been misled nor were the appellants tactically disadvantaged or prejudiced resulting in unfairness to them or in a failure of justice. (paras 19, 22, 23 24, 25, 26, 27, 28 & 29).

(b) Seksyen 51A

(i) Peguambela terpelajar juga membangkitkan kehendak s. 51A KAJ dalam kes di hadapan mahkamah khususnya s. 51A(c), persoalan sama ada maksud perkataan "shall"

yang terdapat dalam seksyen itu patut ditakrif sebagai mandatori atau sebaliknya. Lanjutan daripada itu timbul persoalan ketidakadilan bagi maksud Perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan;

(ii) Berhubung dengan isu ini mahkamah mengambil maklum (notis kehakiman) bahawa perbicaraan kes ini bermula pada 8 November 2010 dan disambung bicara pada 9 November 2010. Sebahagian dokumen (fakta kes yang memihak kepada pembelaan di bawah s. 51A(c) yang dikehendaki oleh peguambela terpelajar hanya diberikan pada 11 Januari 2011. Persoalannya adakah dengan kelewatan pihak pendakwa membekalkan dokumen yang dikehendaki oleh peguambela menyebabkan kedua-dua OKT tidak mendapat keadilan dan Perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan terpakai;

(iii) Menurut rekod mahkamah, pada 8 November 2010 semasa perbicaraan baru bermula, peguambela telah memaklumkan mahkamah bahawa beliau belum menerima fakta kes yang memihak kepada pembelaan di bawah s. 51A(c) dan gambar-gambar yang difotostat sahaja yang dibekalkan oleh TPR kepadanya. TPR terpelajar telah memberitahu bahawa beliau boleh berikan fakta itu kepada peguambela dalam salinan tulisan tangan tetapi tidak bertaip. Peguambela pohon supaya fakta itu bertaip diberikan kepadanya.

(iv) Pada pandangan mahkamah tujuan s. 51A adalah untuk memastikan bahawa dokumen-dokumen termasuk gambar-gambar, Laporan Kimia, Laporan Post-mortem, Laporan Perubatan tertuduh yang diperlukan dalam perbicaraan dikemukakan dalam tempoh yang lebih awal kepada pihak pembelaan bagi membolehkan pihak pembelaan meneliti bentuk keterangan yang akan diketengahkan oleh pihak pendakwaan. Dalam kes kita pada hari ini kebanyakan dokumen yang diperlukan oleh peguambela OKT telah dibekalkan oleh pihak pendakwaan sebelum perbicaraan dijalankan. Hanya dokumen di bawah s. 51A(c) sahaja diberikan selepas perbicaraan bermula. Oleh itu mahkamah tidak dapat bersetuju dengan hujah peguambela bahawa kegagalan TPR memberi dokumen berkenaan menyebabkan OKT2 tidak mendapat keadilan menurut peruntukan

Perkara 5 dan 8 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah merujuk kepada kes yang diputuskan oleh YA Dato Zawawi bin Salleh PK (beliau ketika itu) dalam kes *PP v. Mohd Fazil Awaludin* dan diikuti oleh YA Yaakob Hj Md Sam PK (beliau ketika itu) dalam kes *PP v. Lee Suk Hua* [2010] 1 LNS 20. Dalam kedua-dua kes itu, kedua-dua mahkamah memutuskan bahawa peruntukan baru s. 51A Kanun Tatacara Jenayah adalah bersifat directory dan bukan mandatory yang bermaksud ketidakpatuhan kepada peruntukan tersebut tidak menjadikan prosiding sebagai nullity dan tidak menjadikanya sebagai failure of justice. Mahkamah ini sangat bersetuju dengan pendekatan dan kesimpulan yang dibuat oleh kedua-dua YA Pesuruhjaya Kehakiman dalam perkara itu dan membuat kesimpulan yang sama bahawa kehendak s. 51A(c) adalah directory bukannya mandatory.

(c) Pertuduhan yang cacat.

(i) Peguambela terpelajar berhujah bahawa pertuduhan cacat kerana pihak pendakwaan tidak memasukkan perkataan "pengangkutan" iaitu bot dalam pertuduhan.

(ii) Mengenai isu ini mahkamah merujuk kepada keputusan kes *Lim Hong Yap v. PP* [1978] 1 LNS 100, mahkamah Singapura telah membuat keputusan bahawa cara pengedaran dadah berbahaya tidak perlu dinyatakan kerana ia bukan butir yang material.

[33] Mahkamah telah meneliti hujahan peguambela OKT dan TPR dan merujuk kepada ilustrasi di bawah ss. 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah dan mendapati bahawa pertuduhan ke atas OKT adalah jelas, tidak mengelirukan kerana OKT memahami pertuduhan itu dan membolehkan kedua-duanya menyoalbalas saksi-saksi pendakwaan dan menyediakan pembelaan mereka. Kes *PP v. Masana & Anor* [2010] 1 LNS 948 adalah berbeza dengan kes di hadapan mahkamah. Mahkamah juga berpuas hati bahawa pertuduhan ke atas OKT telah menepati kehendak ss. 152, 153 dan 154 Kanun Tatacara Jenayah.

[34] Setelah mahkamah mendengar keterangan 11 orang saksi pendakwaan, mahkamah mendapati khususnya SP3, SP4, SP5, SP7 dan SP11 bahawa mereka adalah saksi yang kredibel dan

keterangan mereka menyokong antara satu sama lain. Jika ada perbezaan, pada pandangan mahkamah ianya tidak material dan tidak mencacatkan kes pendakwaan. Mengikuti rantaian keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan di mahkamah, didapati keterangan saksi saling melengkapi antara satu dengan yang lain dan mencukupi bagi membuktikan kes seperti pertuduhan terhadap OKT.

[35] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwaan dan juga kes undang-undang yang dibincangkan dengan panjang lebar oleh kedua-dua pihak yang terpelajar secara keseluruhannya dan atas penilaian maksima, mahkamah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap kedua-dua OKT dan kedua-duanya diperintahkan untuk membela diri terhadap pertuduhan.

[36] Ketiga-tiga pilihan untuk memberi keterangan telah diterangkan kepada kedua-dua OKT dan kedua-duanya memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

Kes Pembelaan

[37] Beban pembuktian kes di akhir kes pembelaan seperti yang diputuskan dalam kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2005] 1 CLJ 451 yang mengiktiraf kes *Mat v. PP*. Apa yang penting untuk mahkamah mencari di akhir kes pembelaan adalah sama ada keterangan saksi-saksi pembelaan telah menimbulkan keraguan yang munasabah atau sebaliknya.

[38] Dalam pembelaan yang dikemukakan oleh kedua-dua OKT mengatakan pada malam kejadian, 12.30 pagi, hanya OKT1 dan OKT2 sahaja yang berada di atas bot itu dan tidak ada orang lain. Bot itu tidak dipasang lampu walaupun SD1 mengakui bahawa bot itu ada lampu dan dipecut selama lima minit walaupun kedua-dua OKT telah mendengar jeritan marin yang mengarahkan supaya mereka berhenti.

[39] SD1 menerangkan kepada mahkamah bahawa beliau baru sahaja datang ke Malaysia pada 28 Disember 2007 dengan menaiki sampan daripada Medan ke Pulau Pinang untuk mencari pekerjaan. Mahkamah tidak dapat mempastikan kenyataan ini benar atau sebaliknya kerana SD1 tidak ada sebarang dokumen ie, SD1 adalah pendatang asing tanpa izin (PATI).

Menjawab soalan peguambela bagaimana beliau boleh berada di atas bot pada 16 Januari 2008 SD1 menceritakan; A

Q : Bagaimana kamu boleh sampai ke atas bot seperti dalam pertuduhan.

A : Pada 16.1.2008 jam lebih kurang 3.00 petang saya dibawa oleh 2 orang lelaki berbangsa Melayu menaiki kereta Proton Waja berwarna silver yang nombor platnya saya tidak tahu dan dia katakan kita akan pergi ke Kuala Perlis. Sampai di Kuala Perlis kami singgah di kedai makan dan di kedai tersebut kami ada jumpa beberapa lelaki. Salah seorang daripada mereka adalah lelaki berbangsa melayu/siam. Lelaki itu adalah OKT2. B C

Q : Selain daripada OKT2, lelaki lain yang kamu kenal.

A : Tidak kenal. Mereka berbangsa melayu. D

Q : Apa berlaku di kedai makan

A : Sembang dan makan

Q : Ada pekerjaan yang ditawarkan E

A : Ada tawarkan pekerjaan kepada saya untuk membawa sampan daripada Kuala Perlis ke Kuala Kedah.

Q : Kamu pandai bawa sampan

A : Saya tidak tahu F

Q : Jadi siapa yang akan bawa sampan

A : Sakri

[40] Mahkamah tidak dapat mempercayai keterangan SD1 bahawa beliau telah "terjumpa" (jumpa tanpa dirancang) dengan OKT2 di Kuala Perlis pada 16 Januari 2008 setelah dihantar oleh dua orang lelaki berbangsa Melayu dengan menaiki kereta silver yang tidak diketahui nombor platnya. G

[41] Selepas terjumpa dengan OKT2, SD1 memberitahu mahkamah bahawa beliau ditawarkan bekerja untuk membawa sampan daripada Kuala Perlis ke Kuala Kedah. Yang peliknya adalah SD1 mengakui bahawa SD1 tidak pandai bawa sampan dan bila ditanya oleh peguambela terpelajar, siapa yang akan bawa, SD1 jawab "SD2 lah yang akan bawa sampan". Di kedai kopi itu H I

walaupun ramai orang tetapi SD1 hanya kenal SD2 sahaja. Sekali lagi mahkamah merasa pelik dan tidak percaya keterangan SD1 kerana dalam masa beberapa jam berjumpa dengan SD2 di kedai kopi, SD1 boleh mengetahui bahawa SD2 pandai bawa sampan dan bersetuju untuk bawa sampan daripada Kuala Perlis ke Kuala Kedah.

[42] Keterangan SD1 bercanggah dengan keterangannya yang asal bahawa dia ditawarkan untuk membawa sampan daripada Kuala Perlis ke Kuala Kedah apabila beliau disuruh oleh peguamnya untuk menceritakan bagaimana sampan beliau ditahan. SD1 beritahu mahkamah bahawa beliau "mencari ikan" untuk dihantar ke Kuala Kedah:

> Q : Ceritakan bagaimana sampan kamu diberhentikan oleh bot marin
>
> A : Semasa saya naiki sampan daripada Kuala Perlis ke Kuala Kedah, ditengah-tengah laut ada sampan menyuruh saya berhenti. Sampan itu adalah sampan marin, salah seorang daripada mereka membuat pemeriksaan dan tanya saya apa yang kamu buat dalam sampan. Saya jawab saya mencari ikan untuk dihantar ke Kuala Kedah.

[43] SD1 seterusnya mengakui bahawa semasa SD1 dan SD2 ditangkap, hanya mereka berdua sahaja yang ada dalam bot/sampan pada pukul 12.30 pagi 17 Januari 2008. SD1 sekali lagi membuat kejutan apabila mengatakan bahawa "abang" yang suruh hantar bot/sampan dari Kuala Perlis ke Kuala Kedah apabila disoal balas oleh TPR bahawa dadah itu dibawa oleh OKT1 untuk dihantar kepada orang lain:

> Q : Saya katakan bahawa awak yang bawa ganja itu untuk dihantar kepada orang lain di Kuala Kedah
>
> A : Tidak setuju kerana abang suruh hantar bot daripada Kuala Perlis untuk ke Kuala Kedah.

Jadi dalam keterangan SD1 terdapat tiga versi pembelaan yang berlainan:

(i) Beliau ditawarkan pekerjaan untuk bawa sampan daripada Kuala Perlis ke Kuala Kedah;

(ii) Semasa disoal oleh Pegawai Marin, SD1 memberitahu bahawa beliau (SD1) mencari ikan untuk dihantar ke Kuala Kedah; dan

(iii) Bahawa "abang" yang suruh hantar sampan yang dinaiki itu daripada Kuala Perlis ke Kuala Kedah.

SD1 mengaku bahawa beliau melarikan diri apabila bot marin menghampiri sampannya kerana beliau sangka bot marin adalah polis kerana beliau tidak mempunyai apa-apa dokumen perjalanan.

[44] Mahkamah meneliti keterangan SD1 dan mendapati adalah rekaan semata-mata dan tidak boleh mempercayainya. Keterangannya adalah afterthought dan bercanggah antara satu sama lain. Dalam pemerhatian mahkamah tingkahlaku SD1 semasa memberi keterangan, beliau tidak bercakap benar.

Keterangan SD2

[45] OKT2 (SD2) pula yang bekerja sebagai nelayan menerangkan bahawa beliau datang ke Malaysia dan menaiki bot pada pukul 12.30 pagi untuk ke rumah kakaknya yang tinggal di Malaysia dan ingin tinggal di Malaysia bersama kakaknya kerana keadaan di Pulau Puyu tidak selamat.

[46] Kakak SD2 datang ke mahkamah dan mengemukakan kad pengenalan diri dan dicamkan sebagai kakak SD2 oleh SD2. Walaupun begitu kakak SD2 tidak hadir untuk memberi keterangan bagi membantu adiknya yang sedang menghadapi pertuduhan yang melibatkan hukuman gantung sampai mati.

[47] Dalam menghadapi pertuduhan yang melibatkan hukuman mati, adalah menjadi tanda tanya kepada mahkamah kenapa kakak OKT2 yang berada di mahkamah tidak memberi keterangan bagi menyokong keterangan OKT2. Persoalan seterusnya adalah bolehkah mahkamah mempercayai keterangan pembelaan OKT2 bahawa beliau berjumpa dengan OKT1 pada pukul 12.30 pagi buat kali pertama, sebelum itu mereka tidak pernah berjumpa.

[48] Berbeza dengan SD1, SD2 mengatakan bahawa tujuannya datang ke Malaysia adalah untuk tinggal dengan kakaknya sebab keadaan di tempat tinggalnya di Pulau Puyu, Thailand tidak selamat kerana ada gangguan tentera dan polis sebab SD2 seorang Islam.

[49] Bagi mengaitkan cerita SD1 dan SD2, peguambela pun bertanya pada SD2 sama ada beliau ditawarkan apa-apa pekerjaan dan SD2 menjawab bahawa beliau ditawarkan kerja untuk bawa sampan dari Kuala Perlis ke Kuala Kedah untuk membayar tambang dari Pulau Puyu ke Kuala Perlis.

[50] Ini bermakna, pekerjaan ini bersifat sementara dan bukan tujuan sebenar SD2 datang ke Malaysia. Di sini keterangan SD2 telah bercanggah dengan keterangan SD1. Mahkamah tidak dapat mempercayai keterangan SD2 kerana keterangan itu direka semata-mata bagi melepaskan dirinya daripada pertuduhan yang dihadapinya.

[51] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan oleh kedua-dua OKT, mahkamah mendapati bahawa tujuan mereka datang ke Malaysia dengan menaiki bot pada pukul 12.30 pagi dengan tidak mengenali antara satu sama lain pada 12.30 pagi itu adalah bercanggah antara kedua-duanya.

[52] Dengan kes pembelaan di atas, peguambela terpelajar telah merujuk kepada kes undang-undang bagi menyokong hujahannya. Kes *Romi Amora Amir v. PP* [2011] 1 CLJ 870, boleh dibezakan dengan kes di depan mahkamah yang mana dalam kes itu;

> OKT telah dituduh mengedar dadah di bawah seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan di bawah seksyen 12(2) Akta yang sama sebagai pertuduhan kedua.
>
> OKT ditahan semasa pihak polis melakukan pengawasan di Taman Kim Teng, Johor Baharu. Pada ketika itu, pihak polis telah nampak sebuah teksi bernombor pendaftaran HJ6648 memasuki tempat pengawasan dan berhenti di sebelah sederet kedai-kedai di sana. OKT keluar dari teksi tersebut dan berjalan menuju ke arah kedai-kedai tersebut. Pihak polis (PW5) telah menahan OKT dan melakukan pemeriksaan badan. Semasa pemeriksaan dilakukan pihak polis menjumpai satu peket kecil yang dicurigai mengandungi kanabis dan beberapa kunci dengan sebuah alat kawalan.
>
> Dengan menggunakan kunci tersebut dan alat kawalan, teksi tersebut dapat dibuka dan di bawah tempat duduk pemandu, pihak polis menjumpai satu beg plastik yang mengandungi sekeping mampat yang disyaki adalah kanabis. Barang ini ditutup dengan pakej plastik lutsinar pada lapisan luar dan aluminium foil pada lapisan dalam, bersama-sama dengan cellotape kuning.
>
> Semasa perbicaraan, pemilik teksi ini dipanggil memberi keterangan dan mengesahkan bahawa dia telah membeli teksi tersebut pada tahun 2002. Walau bagaimanapun teksi ini disewakan kepada seorang bernama Razali Omar (PW3). Pemilik teksi mengesahkan bahawa dia tidak pernah menggunakan teksi tersebut dan tidak tahu siapa yang menggunakan teksi tersebut pada hari kejadian.

PW3 pula dalam keterangannya mengesahkan bahawa teksi tersebut adalah sentiasa dalam kawalannya dan dia memiliki kunci utama dan pendua. Sekiranya dia tidak mencari penumpang, teksi itu disimpan di rumahnya. PW3 mengesahkan juga bahawa OKT adalah kawannya dan OKT ada meminta untuk meminjam teksinya itu atas alasan teksi OKT rosak dan OKT perlu mengambil penumpang. PW3 juga mengesahkan ada menghantar teksinya untuk dicuci 2 hari sebelum kejadian tetapi tidak mencuci bahagian dalam kerana memikirkan teksi itu akan diberi pinjam kepada OKT. PW3 mengesahkan bahawa dia tidak menjumpai apa-apa beg plastik di dalam teksinya semasa ia dihantar untuk dicuci.

Mahkamah Tinggi mendapati OKT bersalah dan disabitkan atas kedua-dua pertuduhan.

Di peringkat rayuan, isu utama adalah berhubung dengan pertuduhan pertama. Isu yang dibangkitkan adalah pengetahuan. Hakim-hakim Mahkamah Rayuan berpendapat bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan elemen pengetahuan apabila menidakkan elemen milikan. Untuk membuktikannya, haruslah dibuktikan bahawa perayu sedar tentang kehadiran dadah tersebut. Di dalam hal ini pendakwaan gagal membuktikan bahawa perayu tahu dadah tersebut berada di bawah tempat duduknya dan seterusnya ia bermaksud perayu tidak tahu kandungannya.

Mahkamah sebelum ini juga telah terkhilaf apabila tidak mempedulikan keterangan PW5 bahawa dadah tersebut boleh juga dimasukkan daripada bahagian belakang tempat duduk.

Mahkamah Rayuan turut menerangkan bahawa jika pun elemen milikan berjaya dibuktikan, tiada sebarang keterangan jelas, tindakan atau kelakuan yang boleh menjurus kepada elemen mengedar. Hal ini disokong juga oleh keterangan PW5 yang mengesahkan bahawa Perayu tidak cuba melarikan diri tetapi hanya nampak terperanjat apabila ditangkap.

Kesimpulannya, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan terhadap pertuduhan pertama 39B dan menolak rayuan terhadap pertuduhan kedua.

[53] Dalam kes di depan mahkamah, OKT1 dan OKT2 telah cuba melarikan diri semasa diarahkan berhenti oleh bot marin dan keterangan SP3 dalam eks. P7, bot marin terpaksa mengejar bot yang dinaiki oleh kedua-dua OKT. Kedudukan dadah yang tersimpan dalam kotak tidak berkunci, diletakkan kain rentang dan ada pukat di atasnya yang pada mahkamah adalah bertujuan untuk mengaburi mata pihak berkuasa apabila ada pemeriksaan.

[54] Faktor kedua-dua OKT dijumpai di tempat kejadian pada pukul 12.30 pagi merupakan faktor penting yang tidak ada kes undang-undang yang dikemukakan oleh kedua-dua peguam dan TPR terpelajar yang menunjukkan bahawa kedua-dua OKT mempunyai perancangan rapi untuk menghantar dadah ke destinasi (ke Kuala Kedah) seperti yang dimaklumkan oleh SD2.

[55] Meneliti keputusan kes *PP v. Abdul Rahman Akif*, dalam membuat keputusan mengenai pengedaran Mahkamah Persekutuan membuat keputusan yang berikut:

> [4] Setelah penelitian terperinci cerita responden sukar diterima akal kerana alasan-alasan berikut. Pertama, jika benar beliau telah pergi ke Johor Bahru untuk mengambil contoh-contoh pakaian daripada Jiri, persoalannya adalah kenapa perlu berjumpa dengan Jiri lebih kurang pukul 3.30 pagi. Sememangnya ini boleh dilakukan pada masa yang lebih sesuai. Kedua, jika tiga bungkusan tersebut mengandungi contoh pakaian seperti yang didakwa oleh responden persoalan yang timbul adalah kenapa ianya disembunyikan di bawah tempat duduk kereta seperti yang dijumpai oleh polis. Cara ketiga-tiga bungkusan tersebut disembunyikan dalam kereta itu menunjukkan bahawa perayu mengetahui tentang kandungan tiga bungkusan itu. Dalam keadaan sedemikian, mahkamah mendapati cerita beliau tentang pertemuan dengan Jiri adalah rekaan semata-mata. Ia hanya satu percubaan untuk menunjukkan bahawa beliau tiada pengetahuan tentang kandungan tiga bungkusan tersebut. Dalam analisis terakhir, mahkamah berpuas hati melampaui keraguan munasabah bahawa responden mempunyai jagaan dan kawalan tiga bungkusan tersebut dan beliau mengetahui bahawa ianya mengandungi dadah. Justeru itu persoalan seterusnya adalah sama ada pihak pembelaan telah, atas imbangan kebarangkalian, berjaya mematahkan andaian pengedaran di bawah s. 37(da) Akta tersebut. Dalam kes semasa responden tidak menawarkan apa-apa penjelasan untuk mematahkan andaian tersebut. Oleh itu andaian di bawah s. 37(da) Akta tersebut tidak dipatahkan (lihat perenggan 27).

[56] Pemerhatian Mahkamah Persekutuan dalam kes *Abdul Rahman Akif* terpakai dalam kes di hadapan mahkamah, yang mana cara kesemua dadah disimpan dalam lapan plastik hitam yang dibalut rapi diletakkan dalam kotak ikan tidak berkunci, ditutupi oleh kain rentang dan di atasnya diletakkan pukat (eks. P6 A-L)

dan P8 A-J menunjukkan bahawa kedua-dua OKT mengetahui kandungan lapan plastik hitam. Dalam keadaan sedemikian, mahkamah mendapati cerita OKT1 dan OKT2 bahawa mereka datang ke Malaysia pada 12.30 pagi itu untuk mendapatkan pekerjaan dan OKT2 untuk tinggal dengan kakaknya atas faktor keselamatan tidak masuk akal dan adalah rekaan semata-mata.

[57] Oleh itu mahkamah mendapati bahawa atas imbangan kebarangkalian, keterangan pembelaan tidak menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah dan anggapan di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya tidak dipatahkan.

Keputusan Mahkamah

[58] Sebagai kesimpulannya, mahkamah mendapati keterangan OKT1 dan OKT2 adalah rekaan semata-mata dan penafian yang tidak berasas sama sekali dan tidak menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Kedua-duanya memang mengetahui dadah sebanyak 222,028 gram yang dibungkus dalam plastik berada dalam kotak ikan yang tidak berkunci dan ditutupi dengan kain rentang dan diletakan pukat di atasnya. Berdasarkan keterangan yang dikemukakan kedua-dua OKT juga didapati mengedar dadah tersebut.

[59] Mahkamah juga mendapati atas imbangan kebarangkalian, kedua-dua OKT juga gagal mematahkan anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[60] Atas keseluruhan keterangan yang ada, mahkamah ini mendapati atas imbangan kebarangkalian, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap kedua-dua OKT melampaui keraguan yang munasabah atas pertuduhan yang dihadapkan kepada kedua-dua OKT.

[61] Oleh itu, mahkamah ini mendapati kedua-dua OKT adalah bersalah dan mensabitkan kedua-duanya atas kesalahan yang dipertuduhkan.

[62] Selepas mendengar dan menimbangkan rayuan kedua-dua OKT, bagi kesalahan ini mahkamah tiada budibicara melainkan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas kedua-dua OKT. Oleh itu, saya telah menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas kedua-dua OKT menurut peruntukan undang-undang.